



**SELASA, 12 JANUARI 2021
6.00 PETANG**

**HEBAHAN TERKINI
UNTUK PELAJAR DI KESEMUA KAMPUS USM**

Selaras dengan pengumuman terkini oleh Perdana Menteri Malaysia berhubung Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di enam buah negeri termasuk Pulau Pinang bermula 13 hingga 26 Januari 2021, Universiti Sains Malaysia (USM) ingin membuat penegasan berhubung beberapa keputusan Universiti termasuk:

1. HAL EHWAL BERKAITAN PELAJAR

- 1.1 Pelajar **DIBENARKAN** untuk terus tinggal di dalam kampus sehingga peperiksaan akhir dan sehingga semester berakhir.
- 1.2 Pelajar tahun akhir yang sedang menjalankan projek tahun akhir (FYP) dan pelajar pasca siswazah yang berada di dalam kampus **DIBENARKAN** hadir ke makmal untuk melakukan tugas masing-masing.
- 1.3 Makmal yang menerima sampel-sampel ujian dari pelanggan dalaman atau industri **BOLEH** meneruskan operasi seperti biasa.
- 1.4 Pelajar yang sedia ada di kampus juga **DINASIHATKAN** untuk terus kekal di dalam kampus dan meneruskan sesi pembelajaran dalam talian (*online*) seperti biasa.
- 1.5 Pelajar Tanpa Asrama (PETAS) yang mempunyai keperluan untuk hadir setiap hari ke kampus **AMAT DIGALAKKAN** untuk tinggal di desasiswa untuk meminimumkan pergerakan keluar-masuk kampus selama tempoh dua minggu PKP ini. Tiada caj desasiswa dikenakan kepada pelajar PETAS selama 2 minggu ini. Akan tetapi sekiranya PKP dilanjutkan, kadar bayaran harian akan dikenakan.
Pelajar juga perlu mematuhi syarat-syarat berikut:
 - 1.5.1 – Mendapatkan kebenaran dari Dekan/Ketua Jabatan dengan mengisi Borang A
 - 1.5.2 – Mengemukakan permohonan melalui Nerve Centre bermula **pada hari ini sehingga esok, Rabu, 13 Januari 2020 sehingga pukul 3.00 petang**.
 - 1.5.3 – Mengisi maklumat deklarasi COVID-19 secara dalam talian
 - 1.5.4 – Hadir ke fasiliti kesihatan (Pusat Sejahtera Kampus Induk / Unit Kesihatan Kampus Kejuruteraan) untuk ujian saringan kesihatan sebelum ditempatkan di desasiswa.
 - 1.5.5 – Pelajar yang masuk **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari kampus dalam tempoh dua minggu ini.
- 1.6 Pemakaian pelitup muka dengan betul adalah **DIWAJIBKAN** pada setiap masa.
- 1.7 Aktiviti sukan dan riadah tidak lebih daripada dua individu adalah dibenarkan seperti berjalan kaki dan *jogging*. Sebarang acara sukan secara berkumpulan adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Walau bagaimanapun, kebenaran di atas adalah **TERTAKLUK** kepada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang tinggi dan mengikut maklumat rasmi dari bilik gerakan (Nerve Centre) dari semasa ke semasa.

2. URUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pihak Universiti akan menghakupayakan Dekan/Ketua Jabatan dalam membuat sebarang keputusan terperinci/operasi berasaskan faktor berikut mengikut keutamaan:

- 2.1 Keselamatan semua pihak di bawah seliaan
- 2.2 Memastikan pengajaran dan pembelajaran diteruskan
- 2.3 Mengekalkan kualiti akademik yang diperlukan

Dan hal-hal yang berkaitan di atas turut TERTAKLUK kepada keputusan pihak Universiti dan kerajaan dari semasa ke semasa.

3. OPERASI PINTU MASUK USM

Pintu-pintu utama yang akan dibuka untuk akses keluar-masuk di semua kampus adalah seperti berikut:

Kampus	Pintu	Waktu
Kampus Induk	Pintu Stadium	24 Jam
	Pintu RST	
Kampus Kejuruteraan, Nibong Tebal	Pintu Utama	
Kampus Kesihatan, Kubang Kerian	Pintu A	7.00 pagi hingga 7.00 malam
IPPT, Bertam	Pintu A	6.00 pagi hingga 7.00 malam
	Pintu B	7.00 petang hingga 7.00 pagi
	Pintu Sains@Bertam	24 Jam

4. OPERASI BAS DALAM KAMPUS

Bas Komuter USM (kampus induk sahaja) akan beroperasi bagi memudahkan urusan harian pelajar berulang-alik dari desasiswa ke pusat-pusat pengajian. Perkhidmatan bas juga disediakan bagi menghadkan penggunaan kenderaan pelajar dalam kampus.

5. PERINGATAN

Ketika berada dalam kampus, pelajar adalah tertakluk kepada sebarang keputusan semasa pihak Universiti. Jika sekiranya Universiti mengambil langkah menghadkan akses keluar-masuk (kawalan pergerakan keluar-masuk kampus), pelajar perlu mematuhiya bagi menyokong usaha Universiti mengawal risiko dan memastikan kampus bebas dari sebarang kes-kes berkaitan COVID-19.

Amalan bersopan-santun adalah sangat digalakkan. Sebarang tingkah laku tidak bertanggungjawab **PERLU DIELAKKAN** sama sekali terhadap petugas barisan hadapan Universiti yang bertungkus-lumus memastikan tahap keselamatan warga kampus sentiasa dalam keadaan terbaik.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, semua pelajar digesa untuk sentiasa mengamalkan kawalan sendiri termasuk penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, kerap

mencuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* di samping penjagaan kesihatan bagi mengelakkan diri dari dijangkiti penyakit.

Sekiranya mengalami gejala COVID-19, pelajar hendaklah segera mendapatkan rawatan dari fasiliti kesihatan yang berdekatan. Rawatan awal dapat mengurangkan risiko penyakit menjadi lebih kritikal.

USM sentiasa berusaha untuk mengekalkan kesemua kampusnya sebagai zon bebas COVID-19 demi keselamatan dan kesejahteraan seluruh warganya.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi talian hotline Bilik Gerakan USM seperti di bawah:

- 1) Kampus Induk :- 04-6532267 / 04-6536124 (Nerve Centre)
- 2) Kampus Kesihatan :- 09-7671306
- 3) Kampus Kejuruteraan :- 04-5995530/5531/5532/5533
- 4) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) :- 04-5622999

Email :- nerve_centre_usm@usm.my

PROFESOR DR. MD ROSLAN HASHIM

Pengerusi Nerve Centre COVID-19 USM

Merangkap

Timbalan Naib Canselor Kelestarian dan Pembangunan Institusi

Universiti Sains Malaysia

12 JANUARI 2021